

NO SOALAN : 49

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR A/L
VARATHARAJU NAIDU
(BATU GAJAH)**

**TARIKH : 06.04.17
(KHAMIS)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jawatan tertinggi yang dipegang oleh orang-orang bukan Melayu dalam Tentera Darat Diraja Malaysia, Tentera Udara Diraja Malaysia dan Tentera Laut Diraja Malaysia sejak 5 tahun yang lalu. Apakah langkah-langkah untuk menggalakkan lebih ramai dari kalangan orang-orang bukan Melayu menyertai Angkatan Tentera Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan Pegawai Kanan ATM bukan Melayu dalam kumpulan jawatan tertinggi yang berpangkat Leftenan Kolonel setaraf dan ke atas berjumlah 223 pegawai yang terdiri daripada 107 pegawai Tentera Darat, 66 pegawai Tentera Laut dan 50 pegawai Tentera Udara.

Bagi jawatan tertinggi yang dipegang oleh orang-orang bukan Melayu didalam perkhidmatan Angakatan Tentera Malaysia (ATM) bagi tempoh 5 tahun kebelakangan ini, mengikut perkhidmatan adalah seperti berikut :

- a. Tentera Darat Malaysia (TDM), jawatan tertinggi yang dipegang oleh kaum bukan Melayu adalah Ketua Pengarah, Malaysian Institute of Defence and Security (MIDAS) yang diterajui oleh pegawai kanan yang berpangkat Leftenan Jeneral.

- b. Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), jawatan tertinggi yang dipegang oleh kaum bukan Melayu adalah Assisten Ketua Staf Pengurusan Strategik, Markas Tentera Laut yang berpangkat Laksamana Muda (setaraf Mejar Jeneral).
- c. Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), jawatan tertinggi yang dipegang oleh kaum bukan Melayu adalah Panglima Wilayah Udara 2 berpangkat Mejar Jeneral TUDM.

Bagi penyertaan dalam berkhidmat ATM pula, ianya berasaskan kepada penyertaan secara sukarela dari kalangan warganegara Malaysia tanpa mengira kaum. Namun demikian, pihak Kementerian sentiasa berusaha untuk menggalakkan lebih ramai dari kalangan orang-orang bukan Melayu menyertai perkhidmatan ini dengan melaksanakan pelbagai promosi sama ada di peringkat kebangsaan mahupun peringkat negeri untuk menarik minat orang bukan Melayu menyertai perkhidmatan ATM. Antara langkah-langkah komprehensif yang dilaksanakan :

- a. Melaksanakan pengambilan Pegawai dan LLP di lokasi-lokasi tertentu termasuk di Sabah dan Sarawak bagi memilih calon-calon yang layak untuk menyertai ATM;

- b. Melaksanakan pengiklanan kemasukan Pegawai dan LLP di akhbar-akhbar utama di Semenanjung Malaysia, Sabah Sarawak;
- c. Mengadakan projek-projek jiwa murni di lokasi-lokasi tertentu bagi menarik minat generasi muda menyertai ATM di samping membantu dari aspek kesihatan dan projek kebajikan kepada penduduk setempat; dan
- d. Meneruskan aktiviti promosi dengan mengadakan pameran dan ceramah kerjaya di sekolah-sekolah, universiti-universiti serta pameran anjuran Kementerian Pertahanan, Institusi Awam dan swasta;
- e. Mengadakan *engagement* dan pamphlet kepada kaunselor-kaunselor di sekolah-sekolah dan lain-lain pertubuhan berkaitan bagi memupuk minat dan menyalurkan maklumat tentang peluang dan kelebihan menyertai ATM; dan

f. Berhubung rapat dengan agensi-agensi kerajan lain, wakil-wakil rakyat dan NGO serta persatuan-persatuan dalam menggalakkan aktiviti promosi dan pengambilan sumber manusia ATM.

Justeru, pihak Kementerian menyeru kepada semua Yang Berhormat agar membantu ATM dalam mempromosikan dan menggalakkan anak-anak muda terutama dalam kalangan bukan Melayu untuk turut menyertai ATM di samping usaha-usaha promosi pihak Kementerian yang dilaksanakan secara berterusan.